

# **FAKTOR-FAKTOR PENYEBAB MASALAH DISIPLIN DI SEKOLAH**

Azizi Bin Yahaya & Rohaya Binti Ahmad  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia

## **Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor penyebab masalah disiplin murid di sekolah. Faktor yang menjadi penyebab utama dalam masalah disiplin haruslah berusaha dan bertanggungjawab dalam mencari penyelesaian ini.

*Katakunci:* masalah disiplin, sekolah

## **Pengenalan**

Mengikut penulisan Hussein Mahmood dan Kamaruddin Abd Rahman (1981), faktor besar yang menyebabkan masalah disiplin ialah faktor kewangan, faktor persekitaran dan faktor sekolah.

Menurut Mohamed Kamil Hassan pula faktor-faktor yang menyebabkan kelemahan disiplin di sekolah ialah sikap murid-murid, faktor kekeluargaan, faktor persekolahan, faktor seluruh dunia dan faktor sosial.

Masalah disiplin juga boleh dilihat daripada pelbagai sudut dan banyak puncanya. Langkah mengenal pasti masalah ini penting kerana hanya dengan mengetahui punca-punca, strategi penyelesaian yang berkesan dapat diatur dengan rapi. Berikut adalah beberapa faktor yang boleh mengakibatkan berlakunya keruntuhan akhlak atau masalah disiplin di kalangan pelajar.

### **1. Faktor Diri Murid**

Duke (1980) menyatakan bahawa tiap-tiap individu itu bertanggungjawab di atas perlakuan sendiri. Murid-murid berkemungkinan menjadi tidak berdisiplin kerana mengikuti kehendak-kehendak diri mereka sendiri tanpa sebarang pengaruh dari luar, iaitu apa yang dikatakan sebagai 'the potential influence of the student's free will'.

Mereka mungkin juga melanggar peraturan-peraturan di sekolah sewaktu belajar atau bermain kerana mereka tidak menyedari bahawa perbuatan mereka telah menyalahi peraturan. Ini adalah menjadi suatu faktor yang penting dalam hal murid-murid melakukan perbuatan yang tidak berdisiplin.

Terdapat juga pelanggaran-pelanggaran peraturan yang dilakukan oleh murid-murid yang mempunyai masalah emosi. Jenis kanak-kanak ini dipanggil 'neurotic' atau 'psychotic', dan mengikut Despert (1965) dapat dikenali dengan gaya kelakuannya yang jahat, selalu membuat salah, melawan, ingkar, tidak dapat dibentuk dan tidak stabil.

Kelemahan dari segi perkembangan mental juga boleh membawa kepada pelanggaran peraturan di sekolah. Murid-murid yang lemah belajar dan gagal berkali-kali dalam peperiksaan, akan merasa kecewa dan hilang minat untuk belajar. Mengikut Rabven (1977) apabila murid-murid tidak berminat dalam sesuatu mata pelajaran yang tertentu dan guru tidak pula berusaha untuk menarik minat mereka,

murid-murid tersebut akan hilang semangat belajar dan akan melakukan apa juga yang terlintas di hati mereka.

## **2. Faktor Ibu Bapa atau Keluarga**

Pernah dikatakan oleh Parsona (1964) bahawa rumah adalah kilang yang menghasilkan peribadi manusia. Jika ibu bapa gagal “memproses” anak-anak mereka di kilang ini, maka hasilnya ialah anak-anak yang tidak bermoral.

Ivor Morrish (1975) pula menambah dengan mengatakan bahawa penyeliaan keluarga itu tidak cukup setakat mengenakan beberapa peraturan yang perlu diikuti sahaja. Ibu bapa harus menolong anak-anak supaya layak memasuki masyarakat mereka. Keadaan dan suasana dalam keluarga memang boleh mempengaruhi perkembangan emosi murid-murid. Bila struktur sesuatu keluarga yang mengalami keretakan, kanak-kanak akan mengalami ketegangan emosi serta berasa tidak selamat. Kajian-kajian Sandstorm (1968), Maslow, Combs, Kelly dan Rogers (1962), dan Bee (1975) menunjukkan bahawa perasaan ketegangan ini akan terluah sebagai perlakuan salah penyesuaian yang dilakukan di rumah dan di sekolah.

Kemiskinan serta kekurangan kemudahan di rumah juga menjadi punca kepada masalah disiplin murid. Hussein Mahmood (1980) mendapati bahawa masalah besar yang dihadapi oleh pelajar-pelajar adalah masalah-masalah yang berkaitan dengan rumah dan keluarga. Ini pula ada kaitannya dengan masalah disiplin sendiri dan mungkin dengan masalah psikologi.

Kajian-kajian Harbans Kaur (1982) dan K. Kandiah (1982) mengenai ‘Jevnile Delinquency’ mengesahkan kajian di atas. Didapati ramai di antara pesalah laku-pesalah laku itu datang dari rumah tangga yang serba kekurangan. Kajian Yaakub Hj. Yusof (1977) menunjukkan bahawa 50% daripada murid-murid yang ponteng adalah murid-murid yang menghadapi banyak gangguan hidup sehari-hari, dan apabila merasa diri terpencil di sekolah, mereka akan mencari jalan keluar dengan cara lari dari sekolah.

## **3. Faktor Masyarakat**

Sikap tidak kisah pada persekitaran menyebabkan urusan keselamatan harta dan nyawa masyarakat diserahkan kepada polis dan mahkamah sepenuhnya. Apabila berlaku jenayah, anggota masyarakat tidak mahu ambil tahu dan tidak melakukan sebarang tindakan membenteras seperti sekurang-kurangnya menelefon polis. Sikap individualisme menyebabkan tiada kawalan sosial ke atas remaja. Justeru, jiran dan persekitaran yang sesuai perlu dimantapkan.

Hasil kajian yang dijalankan di Johor menunjukkan, bilangan kes seperti melepak, memusnahkan harta benda awam, menagih dadah dan lain-lain lebih tinggi di kawasan rumah pangsa bertingkat berbanding kawasan rumah teres satu tingkat (Ahmad, 2001). Dipercayai mereka yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti ini berisiko tinggi dengan aktiviti gengster. Tambahan pula, sebilangan remaja menyertai kegiatan gengster kerana frekuensi keganasan dan aktiviti geng di tempat mereka tinggal adalah tinggi dan sudah berakar umbi.

Bagi membina generasi cemerlang melalui konsep kejiranan dan masyarakat penyayang memerlukan sekurang-kurangnya tiga tahun. Tetapi, menjadi remaja liar dan jahat cukup sekadar kurang daripada tiga hari. Tiga hari memadai bagi menjerumuskan remaja ke lembah gejala sosial, kejahatan dan kehinaan.

#### 4. Faktor Sekolah

Mengikuti Waller (1939) asas segala masalah disiplin di sekolah ialah pertentangan pendapat di antara guru dan murid mengenai sesuatu keadaan di sekolah, kerana masing-masing mempunyai kemahuan yang berlainan. Hal ini lebih buruk di peringkat sekolah menengah di mana pelajar merasa kurang senang apabila terasa dipengaruhi (Wadd 1973).

Gragey (1970), Maslow dan Rogers (1962), Boysen (1973) dan Gordon (1974) berpendapat bahawa persekitaran persekolahan yang ketat kawalannya akan meimbulkan keadaan tidak berdisiplin kerana murid-murid akan menentang kawalan ketat ini dengan berbagai-bagai kelakuan buruk seperti tidak menghormati guru, tidak bersopan, dan juga menentang guru. Ada juga yang berbohong dan keadaan kawalan yang ketat itu.

Jika guru terlalu garang hingga murid terlalu takut kepadanya, maka pertentangan terus tidak dibuat tetapi perasaan geram akan disalurkan kepada orang ketiga yang tidak bersalah (Gragey, 1970). Sebaliknya pula, guru yang permisif akan menghadapi masalah disiplin di dalam dan di luar kelas, kerana perlakuan-perlakuan yang tidak dapat diterima akan menyebabkan pengajaran tidak dapat dijalankan. Dalam hal ini, guru sama-sama bersalah dalam menyebabkan perlakuan salah penyesuaian itu (Gragey, 1970). Mengikuti Boysen (1973) sesebuah sekolah itu harus mengamalkan salah satu daripada dua pendekatan tadi dalam menentukan corak suasana yang dapat lebih memberi manfaat kepada pelajar.

Dalam mengekalkan struktur berperaturan dan menentukan moral murid-murid di sekolah, guru besar adalah unsur yang penting. Moral baru yang lebih tinggi akan mengurangkan sikap acuh tak acuh di kalangan guru dan perlakuan buruk di kalangan murid (Cleugh, 1971). Walaupun begitu, hubungan yang tegang pada mana-mana peringkat di sekolah akan menimbulkan ketegangan di kalangan murid-murid (Greabell, 1975; Tunney, 1977; dan Boysen, 1973).

Kajian yang dijalankan oleh Reynolds (1977) menunjukkan bahawa sekolah-sekolah yang kadar hukuman deranya tinggi mempunyai lebih masalah tidak berdisiplin daripada sekolah-sekolah yang lain. Dikatakan bahawa hukuman dera lebih menimbulkan rasa kecewa daripada menolong pembelajaran. Meacham dan Wiesen (1974) juga bersetuju dengan pendapat ini mengatakan bahawa hukuman dera tidak mendatangkan kesan yang baik, malahan sebaliknya menggalakkan lagi masalah tidak berdisiplin. Dalam kajian, Abdullah Salleh (1979) telah menemui sebab-sebab murid-murid melakukan 'vandalism'. Diantaranya ialah mahu membalas dendam pada pihak sekolah; suka melihat benda-benda itu hancur; hendak menunjukkan kekuatan; dan keadaan mereka selalu terbiar tanpa pengawasan pihak guru.

Kelemahan yang jelas di sekolah yang menjadi punca masalah disiplin di kalangan pelajar adalah guru-guru tidak diberi kuasa bertindak mempertahankan disiplin. Disiplin sekolah secara rasmi adalah tanggung jawab guru disiplin, guru besar dan guru penolong kanan. Keadaan ini menyebabkan sebilangan besar guru-guru mengambil sikap lepas tangan dan tidak menunjukkan komitmen bagi menangani masalah disiplin yang dilakukan oleh murid-murid sama ada di sekolah mahupun di luar sekolah. Murid-murid nakal yang suka melanggar disiplin lebih berani dan bebas melakukan perbuatan yang melanggar peraturan dan undang-undang kerana mereka tahu guru-guru tidak mempunyai kuasa yang boleh dikenakan ke atas mereka. Malah, murid-murid ini berani mencabar kewibawaan guru yang tidak disukai.

Selain daripada itu keadaan pelajar yang sesak di dalam bilik darjah yang kecil juga boleh mendatangkan masalah tekanan dan disiplin di kalangan mereka (Case, 1985; Bailey, 1971; dan Reynolds, 1977). Begitu juga dengan sikap guru yang mempunyai suara garang dan menggunakan kekerasan mengikut perasaan dalam pengajaran harian. Bagi menyelesaikan masalah disiplin pelajar di sekolah, setiap guru perlu menggunakan budi bicara yang luhur di samping tatacara disiplin menyeluruh yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran.

## 5. Faktor Media Massa

Terdapat pelbagai unsur negatif yang disalurkan melalui media massa terutamanya media elektronik seperti filem ganas dan lucu yang tidak sesuai dengan agama, akhlak, budaya timur dan wawasan negara. Laporan televisyen dan akhbar menunjukkan masalah disiplin remaja berlaku selepas menonton filem berunsur ganas. Desakan keluarga dan kuasa sivik membantu menghalang remaja daripada terlibat dengan aliran muzik rock yang negatif dan kesan umum daripada rakaman video. Permainan video dan pengaruh televisyen cukup sinonim dengan pelbagai masalah social yang berlaku di kalangan remaja.

Pengaruh muzik, khasnya lirik-lirik muzik rock sering menimbulkan ketidakfahaman terutamanya pendengar golongan muda yang masih pada peringkat konkrit dalam perkembangan kognitif mereka. Perkara ini perlu diberi tumpuan kerana ia membawa kesan yang jelas iaitu menjejaskan kefahaman mereka berkenaan suatu perkara. Pelajar memperuntukan masa purata lebih dari dua jam sehari menonton rancangan itu. Kebanyakan mereka menonton bagi mendapatkan maklumat yang relevan dengan dunia sosial mereka, mengahgai muzik, berseronok atau berhibur semata-mata.

Manakala filem-filem yang memaparkan sikap negatif seperti salah laku, rogol, buli, serangan, pelacuran dan peras ugut dapat mempengaruhi sikap remaja serta menonjolkan akhlak yang tidak baik dalam proses pembelajaran. Kesannya akan meresap secara halus ke dalam diri mereka tanpa disedari kerana remaja banyak belajar melalui pemerhatian.

## 6. Faktor Kerajaan

Kelonggaran penguatkuasa undang-undang tertentu menyumbang sedikit faktor masalah disiplin. Badan yang hampir dan berkait rapat dengan disiplin pelajar ialah Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah.

Isu menghukum pelajar bersabit kesalahan disiplin semakin menjadi rumit, bila pihak keluarga pelajar mencampuri hal dalaman sekolah. Ibu bapa sanggup menyaman pihak sekolah dan kerajaan kerana terlalu emosi dan sensitif anak-anak mereka dihukum walaupun garis panduan telah termaktub. Kerajaan telah mengambil langkah atau pendekatan yang terbaik untuk tidak memburukkan lagi keadaan antara pihak keluarga pelajar dengan pihak sekolah. Hanya Penolong kanan, guru besar dan guru disiplin sahaja yang boleh merotan pelajar atau menjatuhkan hukuman atas kesalahan disiplin. Guru-guru lain tidak dibenar bertindak sendirian tanpa kebenaran dari pihak pentadbir.

Punca kelonggaran peraturan ini yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian maka guru tidak perlu ambil berat dan pelajar tidak takut menghadapi masalah jika berdepan dengan guru biasa ini.

## 7. Faktor Rakan Sebaya

Ahli sosiologi mengistilahkan rakan sebaya sebagai kumpulan kanak-kanak ataupun kumpulan remaja yang mempunyai lingkungan umur yang sama (Hazil Abdul Hamid: 1990; 89). Kumpulan rakan sebaya ini mempunyai peranan dalam aktiviti sosial. Ia adalah agensi tidak formal yang memberikan pengalaman yang tidak dapat diperolehi daripada keluarga dan juga di sekolah. Bagi para pelajar, rakan sebaya adalah tempat mereka mencurahkan masalah dan pengganti ibu bapa, terutamanya bagi golongan yang mempunyai masalah di rumah. Disini jelas apabila seseorang pelajar itu berinteraksi dengan rakannya, mereka lebih gemar memilih rakan yang sebulu, mempunyai asas pengetahuan dan pemikiran yang setaraf dengan mereka, seperti mana yang diistilahkan oleh ahli psikologi Piaget sebagai *equal footing* (Ismail Zain: 1997). Melalui rakan sebaya juga mereka lebih berani bertindak kerana kumpulan mereka terdiri lebih daripada dua orang.

Tan Toh Wah (1995) menjalankan kajian di mana pengaruh rakan sebaya memang kuat memberi kesan pada pembentukan peribadi pelajar. Kajian pendekatan yang dilakukan olehnya memberi peluang pada kumpulan remaja dan orang muda yang didapati bersiar-siar di KOMTAR sebuah pusat membeli belah, menyuarakan pandangan mereka itu berseronok dengan kawan, bersantai dan bermain *video game* bersama rakan sebaya yang lain. Keadaan ini turut disokong oleh hasil kajian Samsuddin dan rakanrakan (1994).

## **Rujukan**

Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : PTS Publication Sdn. Bhd.

Gragey, William, J. (1970). *The Psychology of Disciplines in the Classroom*. London: The Macmillan Co.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai Johor Darul Ta'zim : Universiti Teknologi Malaysia.

Mok Soon Sang (2006). *Siri Pendidikan PTK, Bah 1 : Kompetensi Umum, Multimedia – Es*. Selangor : Resources Sdn. Bhd.

Zainal Madon dan Mohd Sharani Ahmad (2005). *Panduan Mengurus Remaja Moden*. PTS. Bentong, Pahang : Professional Publishing Sdn. Bhd.